

**Kertas Makluman  
Perolehan Hijau Kerajaan  
(Government Green Procurement-GGP)**

**MESYUARAT JAWATANKUASA  
KERJA PEROLEHAN HIJAU JKR MALAYSIA**

**26 JUN 2015**

**DISEDIAKAN OLEH:  
CAWANGAN ALAM SEKITAR DAN TENAGA**



# KANDUNGAN PEMBENTANGAN

1. Definisi GGP
2. Latar Belakang
3. Surat Pekeliling Perbendahara Bil. Tahun 2014
4. Tujuan GPP
5. Peranan Agensi
6. Kumpulan Produk GGP
7. Tindakan Susulan
8. Inisiatif Sediada JKR
9. Cadangan

# 1. DEFINISI GGP

- **GGP Merujuk kepada perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja di sektor kerajaan**
- **Mengambil kira kriteria dan standard alam sekitar dan sumber semula jadi.**
- **Meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar dan sumber semulajadi yang berpunca daripada aktiviti manusia**

**( Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.2 Tahun 2014)**

## 2. LATAR BELAKANG

**Antara langkah-langkah awal yang telah diambil oleh Kerajaan untuk melaksanakan GGP adalah seperti berikut:**

- a. Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10)**
- b. Model Baru Ekonomi (MBE)**
- c. Program Transformasi Ekonomi**
- d. Dasar dan pelan tindakan tenaga boleh diperbaharui negara (MEPS)**
- e. Bajet tahunan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2010**

## **2. LATAR BELAKANG**

### **UCAPAN BAJET 2010**

**“ Memberi keutamaan kepada barangan dan perkhidmatan yang mesra alam sekitar dan mematuhi standard produk teknologi hijau dalam perolehan Kerajaan”**

3.

/PK/D/1100/000000/10/31 JLD.36 SK.3 (2)



**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 2 TAHUN 2014**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**PELAKSANAAN PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN  
(GOVERNMENT GREEN PROCUREMENT – GGP)**

#### **TUJUAN**

Surat Pekeliling Perbendaharaan ini bertujuan untuk memberi makluman awal mengenai inisiatif Perolehan Hijau Kerajaan (*Government Green Procurement - GGP*) serta memberi kesedaran dan galakan bagi meningkatkan pengetahuan Agensi dalam menjayakan pelaksanaan GGP di Malaysia.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Mesyuarat Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI) pada 23 Oktober 2012, yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah memutuskan bahawa Kementerian Kewangan berperanan sebagai penyelar kepada GGP sebagaimana yang terkandung di bawah Program MyHIJAU yang diselaraskan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Program MyHIJAU terdiri daripada empat (4) komponen iaitu MyHIJAU Perolehan, MyHIJAU Direktori, MyHIJAU Pelabelan serta MyHIJAU Industri dan PKS.

3. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pula bertanggungjawab untuk melaksanakan kajian berkaitan Penggunaan dan Pengeluaran Mampan (*Sustainable Consumption and Production*). GGP merupakan komponen utama di dalam kajian tersebut.



# Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2014

## 4. TUJUAN GGP

**Memberi makluman awal mengenai inisiatif Perolehan Hijau Kerajaan (Government Green Procurement – GGP) serta memberi kesedaran dan galakan bagi meningkatkan pengetahuan Agensi dalam menjayakan pelaksanaan GGP di Malaysia.**

## 5. PERANAN AGENSI

- **Mempertingkatkan pemahaman dan pengetahuan berkaitan inisiatif Hijau selaras dengan perkembangan semasa.**
- **Mengenal pasti skop perolehan Kerajaan yang bersesuaian untuk pelaksanaan GGP'**
- **Melaksanakan inisiatif Hijau dan perkara lain yang berkaitan seperti penggunaan tenaga dan sumber secara efisien, proaktif dan pengamalan konsep *Life Cycle Costing*, pengurusan Nilai dan sebagainya**

# AGENSI PERINTIS

- **Kementerian Pendidikan Malaysia ( Bahan Pencuci, Kertas A4)**
- **Kementerian Dalam Negeri ( Komputer Peribadi dan Riba, Perkakasan pencetak)**
- **Kementerian Kesihatan Malaysia ( Mobile X-Ray Vehicles, Peralatan ICT, Komputer dan Perisian, *Sustainability Program*, Peralatan ICT, Kempen *Go Green*,**
- **Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (Kotak, Bahan pembungkusan, Alat Gantian, Tisu tandas, Plastik Sampah)**
- **Unit Perancangan Ekonomi (Peralatan ICT)**

## 6. KUMPULAN PRODUK GGP

Seperti arahan Mesyuarat Jawatankuasa KeTTHA pada 23 Mac 2015, kumpulan produk yang disyorkan untuk pelaksanaan projek perintis GGP dalam perolehan kerja adalah:-

- Kecekapan Air dan Tenaga
- Sistem Solar
- Simen
- Cat
- Sistem Pengurusan Air Hujan (SPA H)

# KUMPULAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN MENGIKUT KATEGORI PEROLEHAN KERAJAAN

Bekalan	Perkhidmatan	Kerja
1.Kertas (Paper)	1.Perkhidmatan Pembersihan (Cleaning Services)	1.Simen Gentian (Fibre Cement)
2.Peralatan ICT (ICT Equipment)	2.Mesin Pencetak Pelbagai Guna (Multipurpose Printing Device)	2.Cat (Paint)
4.Pakaian (Apparel)	3.Kemudahan Bangunan – Perkhidmatan Pengurusan Tenaga (Building Facilities – Energy Management Service)	
5.Perabot (Furniture)		
6.Pusat Data Hijau (Green Data Centre)		
7.Penghawa Dingin (Air-cond)		

## 6. KUMPULAN PRODUK GGP

### STATUS PELAKSANAAN GGP (2013-2014)

AGENSI PELAKSANA	KUMPULAN PRODUK
UNIT PERANCANG EKONOMI	ICT
KEMENTERIAN DALAM NEGERI (PDRM)	BANGUNAN, PENGANGKUTAN, ICT
KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR	ICT, PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN, KERTAS
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	ICT, PENGANGKUTAN

## 7. TINDAKAN SUSULAN

Mesyuarat Pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan pada 23 Mac 2015 dipengerusikan oleh SUB(K) Teknologi Hijau KeTTHA

Memaklumkan bahawa Perolehan Hijau Kerajaan pada ketika ini memfokuskan kepada perolehan produk dan perkhidmatan yang tertakluk di bawah perolehan kategori 'bekalan' dan 'perkhidmatan'. Bagi memastikan nilai perolehan hijau yang lebih besar dan berimpak tinggi, jawatankuasa KeTTHA mencadangkan perolehan hijau difokuskan juga kepada perolehan kategori 'kerja'.



# TINDAKAN SUSULAN

**Mesyuarat Pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan pada 23 Mac 2015 dipengerusikan oleh SUB(K) Teknologi Hijau KeTTHA**

KeTTHA memohon JKR untuk berkongsi data berkaitan projek yang melibatkan pembelian produk hijau seperti lampu LED dan sebagainya terutamanya dalam projek pembinaan. Data akan dikumpulkan oleh KeTTHA bagi mengemaskini dan melaporkan nilai Perolehan Hijau Kerajaan kepada Jawatankuasa Perolehan Hijau Kerajaan.



# TINDAKAN SUSULAN

**Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Hijau Kerajaan pada 14 April 2015 dipengerusikan secara bersama oleh Kementerian Kewangan dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air**

Nilai perolehan hijau yang direkodkan setakat April 2014 berjumlah RM352,130,980 berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Kementerian dan Agensi perintis.

# TINDAKAN SUSULAN

Mencadangkan 10 Kementerian yang akan terlibat dalam pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan untuk tahun 2015 iaitu:

- Kementerian Dalam Negeri
- **Kementerian Kerja Raya**
- Kementerian Kesihatan Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
- Kementerian Pengangkutan, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air,
- Kementerian Wilayah Persekutuan,
- Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

## 8. INISIATIF SEDIADA JKR

Di antara inisiatif Sediada di JKR ialah :

- Green Product Scoring System (**GPSS**)
- Malaysian Carbon Reduction & Environmental Sustainability Tool (**MyCREST**)
- Energy Efficiency Need Statement
- Skim Penarafan Hijau JKR (**pH JKR**)
- **ISO 50001**-Energy Management System
- Sistem Binaan Berindustri (**IBS**)
- Sistem Pengurusan Alam Sekitar (**SPAS**)
- Arahan Teknik Jalan (**ATJ**) on Environment
- Energy Efficiency and Conservation Guidelines for Malaysia
- Handbook On Passive Design Strategies For Energy Efficient Building, Cawangan Arkitek , 2010
- Energy Efficiency Guidelines For CKE Design
- Garis Panduan Kos Kitaran Hayat (**KKH**) / Life Cycle Cost (**LCC**)
- Spesifikasi Piawai JKR untuk Kerja Bangunan 2014



## INISIATIF SEDIADA JKR

### **Projek Pemasangan Sistem Grid-Connected Photovoltaic (GCPV) Di Bumbung Bangunan Blok B, Kompleks Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia**

- Anggaran Kos : RM 300,000.00
- Klien : Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air (Kettha)
- Agensi Pelaksana : SEDA Malaysia
- Pemilik Bangunan : JKR Malaysia
- Skop kerja: Merekabentuk, membekal, menghantar, memasang, memuji dan metauliah GCPV dan kerja-kerja lain



# INISIATIF SEDIADA



## **9. CADANGAN**

**Jawatankuasa GGP JKR atau  
Jawatankuasa Kerja Perolehan Hijau (JKPH)JKR  
yang terdiri daripada  
CKAS, CA, CKE, CKM, CKUB, CKC,  
CJ, CSFB, CSFJ, CKP, CKM,  
CKBA1, CKBA2, CKK dan CAST.**

**Bagi membincangkan:  
Skop JKR-perolehan kerja;  
Senarai produk/aset, spesifikasi bahan;  
Tambahan klausa dokumen perolehan  
Pelaporan Pencapaian  
Pelaksanaan pH JKR**



**SEKIAN, TERIMA KASIH**

